

01/06/2002

Gelagat Pas tidak lagi timbulkan kehairanan

PENYOKONG Pas pernah membakar sebuah trak polis dalam satu majlis ceramah parti itu di Baling tidak berapa lama dulu. Kemudian, seorang cif inspektor polis yang cuba menyuraikan satu ceramah Pas yang dilangsungkan tanpa permit di Johor Bahru, cedera diserang. Apakah pula reaksi kepemimpinan Pas bersabit kejadian seumpama itu? Pasti perlakuan ganas penyokong parti itu dipersalahkan kepada provokasi dengan alasan tiada sebab untuk mereka memilih jalan berkenaan melainkan diganggu. Samalah juga apabila polis melaksanakan tanggungjawab memelihara ketenteraman awam, Pas begitu mudah menuding jari kepada pihak berkuasa - daripada kakitangan biasa hingga ke peringkat kepemimpinan tertinggi kerajaan. Kepada Pas, seolah-olah ahli parti itu bebas daripada melakukan sebarang kesalahan.

Dua peristiwa berbeza sempena Muktamar Pas yang sedang berlangsung di Kota Bharu, sekadar mengulangi susur-galur yang bukan lagi menjadi kehairanan. Pemilihan Stadium Sultan Mohammed IV sebagai tempat berlangsungnya ceramah perdana sempena Seminar Antarabangsa Palestin anjuran Biro Hal Ehwal Antarabangsa Pas malam Rabu lalu, menunjukkan parti itu menjangkakan kehadiran ramai. Tetapi apabila hanya segelintir yang hadir - bilangannya tidak pun dapat memenuhi sebuah stadium mini - Menteri Besar Kelantan, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat, begitu mudah menuturkan semuanya angkara Umno kononnya kerana memperkecil-kecilkan isu Palestin. Walhal Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sanggup memenuhi undangan hingga ke Vatican dalam memperjuangkan isu berkenaan berbanding Pas yang sekadar bersorak tidak tentu haluan.

Apabila sekumpulan wartawan media arus perdana disergh dan diherdik ketika hendak membuat liputan perasmian Muktamar Dewan Muslimat kelmarin, ia bukan sesuatu yang tidak dijangka. Sebagaimana lazimnya cubaan parti itu menegakkan benang basah, Setiausaha Badan Perhubungan Pas Kelantan, Wan Ismail Jusoh, berkeras kononnya wartawan tidak pernah dihalang, sebaliknya kekecohan berkenaan disebabkan salah faham semata-mata. Mengambil kira Menteri Besar Terengganu, Datuk Seri Abdul Hadi Awang, juga gemar mencerca wartawan yang disifatkannya lebih hina daripada kera atau tupai, maka bukan lagi keanehan untuk ahli Pas menterjemahkannya sebagai 'restu' untuk berbuat yang sama.

Pas boleh melaungkan apa saja, daripada pentadbiran berslogan 'Membangun Bersama Islam' hinggalah kepada yang terbaru, 'Memorandum Negara Islam' yang meliputi tujuh ciri utama model pemerintahan Islam acuan parti itu sebagaimana diumumkan semalam oleh Presiden Pas, Datuk Fadzil Noor. Namun, ia tidak akan bermakna apa-apa jika kepemimpinan parti itu terus menyalahkan orang lain tanpa mahu mengakui kelemahan sendiri dalam pelbagai perkara, mengapi-apikan budaya samseng dan memaki-hamun serta memperalatkan Islam hanya untuk kepentingan politik mereka. Pas mungkin boleh memperdayakan sebilangan orang yang begitu mudah taksu hingga hilang pertimbangan untuk beberapa ketika tetapi tidak mungkin semua orang dapat dipesongkan dengan tipu-daya sepanjang masa.

Dalam mencanangkan ikrarnya untuk berjuang atas landasan Islam, sudah banyak contoh terhadap ketaksuban Pas melangkaui batas dan sempadan yang dibenarkan Islam sendiri. Kononnya parti itu pada asasnya tidak berminat kepada kuasa memerintah tetapi hanya mahu memperbetulkan syariat Islam. Sekonyong-konyongnya juga Pas terus menentang Umno kerana parti itu tidak menjadikan al-Quran dan hadis sebagai dasar perjuangannya. Dalam pada itu,

Pas tergamak mencadangkan undang-undang jenayah syariah yang menzalimi wanita mangsa rogol dengan mengetepikan langsung prinsip keadilan sedangkan Islam sebagai agama yang toleran tidak pun menganjurkan kepada kezaliman dan penganiayaan. Apa yang jelas, Pas sengaja menjadikan isu hukum hudud sebagai modal politik bagi membolehkan mereka menghukum Umno yang kononnya menolak pelaksanaan hukum Islam itu.

(END)